

# BAB SATU

## ABJAD JAWI

### 1.1 Huruf Jawi

- (a) Tulisan Jawi ditulis dan dibaca dari kanan ke kiri seperti sistem tulisan bahasa Arab. Sistem tulisan ini tidak mempunyai huruf besar atau huruf kecil seperti tulisan Rumi, tetapi perubahan bentuk huruf akan berlaku bagi beberapa huruf tertentu apabila dirangkaikan dengan huruf yang lain dalam penulisan sesuatu perkataan.
- (b) Abjad Jawi bahasa Melayu mengandungi 37 huruf bentuk tunggal dan susunannya adalah seperti yang berikut:

Huruf Jawi	Nama Huruf	Padanan Rumi
ا	alif	a
ب	ba	b
ت	ta	t
ة	ta marbutah	h, t ( <u>t</u> )
ث	sa (tha)	s, (th)
ج	jim	j
چ	ca	c
ح	ha (ḥa)	h, (ḥ)
خ	kha (khO)	kh
د	dal	d
ذ	zal (dhal)	z, (dh)
ر	ra (rO)	r
ز	zai	z
س	sin	s

PEDOMAN UMUM EJAAN JAWI BAHASA MELAYU DEWAN

Huruf Jawi	Nama Huruf	Padanan Rumi
ش	syin	sy, (sh)
ص	sad (şOd)	s, (ş)
ض	dad (ḍOd)	d, (ḍ)
ط	ta (ṭO)	t, (ṭ)
ظ	za (ẓO)	z, (ẓ)
ع	ain (‘ain)	awal: a, i, u akhir: k, (‘)
غ	ghain	gh
نڠ	nga	ng
ف	fa	f
پ	pa	p
ق	qaf (qOf)	k, q, (q)
ك	kaf	k
گ	ga	g
ل	lam	l
م	mim	m
ن	nun	n
و	wau	w, u, o
ف	va	v
ه	ha	h
ء	hamzah	awal: gugur akhir: k, (‘)
ي	ya	y, i, e taling
ى	alif <i>maqsurah</i> /ye	a di akhir kata/e pepet
ث	nya	ny

**Catatan 1:** Bunyi (O) ialah bunyi vokal belakang luas seperti bunyi [ɔ] pada kata Inggeris *cost*.

**Catatan 2:** Huruf dalam tanda kurung di bawah tajuk padanan Rumi ialah padanan untuk transliterasi huruf Arab kepada huruf Rumi dan padanan untuk mengeja istilah khusus daripada bahasa Arab.

## ABJAD JAWI

- (c) Walau bagaimanapun, terdapat beberapa huruf Rumi yang mempunyai lebih daripada satu padanan dalam huruf Jawi. Contohnya:

Huruf Rumi	Padanan Jawi	Contoh Perkataan
a	ا	ابادي abadi
	ع	عبدي abdi
	عا	عادل adil
	ئ	مسئله masalah
	ءا	سؤال soal
	ى	تقوى takwa
	اء	دعاء doa
	∅	سنتن santan
	e	ا
		امق emak (e pepet)
ع		عدة edah (e taling)
ي		حيله helah (e taling)
∅		جماعه jemaah (e pepet)
d	د	ديديق didik
	ض	ضعيف daif
h	ه	توهن tuhan
	ح	نكاح nikah
	ة	عمرة umrah
i	ا	احسان ihsan
	ع	عبادة ibadat

PEDOMAN UMUM EJAAN JAWI BAHASA MELAYU DEWAN

Huruf Rumi	Padanan Jawi	Contoh Perkataan	
i	اي	ايکن	ikan
	إ	إسلام	Islam
	ي	گيگي	gigi
	ئ	ملائكة	malaikat
	يء	قاريء	qari
	عي	سعي	sai
	Ø	بدعة	bidaah
	k	ك	اكسي
ع		رجوع	rujuk
ق		انق	anak
ء		عشاء	Isyak
s	س	سنغ	senang
	ث	اثبات	isbat
	ص	انصاف	insaf
t	ط	بطل	batal
	ت	سيلت	silat
	ة	صلاة	solat
u/o	ا	اسرة	usrah
	ع	علماء	ulama
	و	بوكو	buku
	او	اورغ	orang
	Ø	فرض	fardu
z	ذ	اذان	azan
	ز	عزم	azam
	ظ	لفظ	lafaz

**Catatan:** Simbol Ø menunjukkan tiada huruf dalam padanan Jawi.

## ABJAD JAWI

### 1.2 Bentuk Huruf dan Cara Penulisannya

- (a) Bentuk huruf Jawi bergantung pada kelompok dan kedudukannya apabila ditulis secara tunggal, di akhir kata, di tengah kata atau di awal kata.

#### Tunggal    Akhir Kata    Tengah Kata    Awal Kata

ا	ا	ا	ا
ب	بب	ب	ب
ت	تت	ت	ت
ة	ة	-	-
ث	ثث	ث	ث
ج	جج	ج	ج
چ	چچ	چ	چ
ح	حح	ح	ح
خ	خخ	خ	خ
د	دد	د	د
ذ	ذذ	ذ	ذ
ر	رر	ر	ر
ز	زز	ز	ز
س	سس	س	س
ش	شش	ش	ش
ص	صص	ص	ص
ض	ضض	ض	ض
ط	طط	ط	ط

PEDOMAN UMUM EJAAN JAWI BAHASA MELAYU DEWAN

Tunggal	Akhir Kata	Tengah Kata	Awal Kata
ظ	ظ	ظ	ظ
ع	ع	ع	ع
غ	غ	غ	غ
ع	ع	ع	ع
ف	ف	ف	ف
ث	ث	ث	ث
ق	ق	ق	ق
ك	ك	ك	ك
خ	خ	خ	خ
ل	ل	ل	ل
م	م	م	م
ن	ن	ن	ن
و	و	و	و
ف	ف	ف	ف
ه	ه	ه	ه
ء	ء	ء	ء
ي	ي	ي	ي
ى	ى	ى	-
ث	ث	ث	ث

**Catatan 1:** Bentuk huruf ini ialah bentuk asas dalam tulisan Jawi. Walau bagaimanapun, bagi penulisan khat dan fon Jawi tertentu, bentuk variasinya dibenarkan berdasarkan sistem penulisan tersebut.

## ABJAD JAWI

**Catatan 2:** Huruf *kaf* (ك) yang digunakan di akhir kata untuk nama khas dalam bahasa Arab ialah huruf *kaf* Arab (ك). Contohnya:

Ejaan Jawi	Padanan Rumi
عبد الملك	Abdul Malik
الملك	al-Malik
الملك	al-Mulk
مالك	Malik (nama malaikat)
ملك الملك	Malik al-Mulk

(b) Untuk mengeja perkataan, 37 huruf Jawi ini dibahagikan kepada tiga kelompok dengan berdasarkan bentuknya sama ada boleh dirangkaikan atau tidak boleh dirangkaikan dengan huruf yang ada di depannya atau di belakangnya.

(i) Kelompok A: اةدذرزوؤ

(ii) Kelompok B: بتثجچحخسشصضطظ

عغغفققككللمنههيىث

(iii) Kelompok C: ء

(c) Apabila sesuatu perkataan yang terbina itu menggunakan huruf dalam kelompok A sahaja, huruf tersebut tidak berubah bentuknya kerana tidak dapat dirangkaikan antara satu dengan yang lain. Contohnya:

Ejaan Jawi	Padanan Rumi
اد	ada
درو	deru
دودا	duda
راوا	rawa
ردا	reda (berkurangan)
اودارا	udara

PEDOMAN UMUM EJAAN JAWI BAHASA MELAYU DEWAN

- (d) Apabila mengeja perkataan, huruf dalam kelompok A tidak boleh dirangkaikan dengan mana-mana huruf dalam kelompok B atau kelompok C yang ada selepasnya, tetapi boleh dirangkaikan dengan mana-mana huruf dalam kelompok B yang ada sebelumnya. Contohnya:

Huruf Jawi	Ejaan Jawi	Padanan Rumi
ا	ديام	diam
ة	معاملة	muamalat
د	قدغ	pedang
ذ	ايدين	izin
ر	برسيه	bersih
ز	ميزان	mizan
و	سولم	sulam
و	سوبور سيف	subversif

- (e) Apabila sesuatu perkataan yang terbina itu menggunakan huruf dalam kelompok B sahaja, huruf tersebut berubah bentuknya kerana dirangkaikan antara satu dengan yang lain. Contohnya:

Ejaan Jawi	Padanan Rumi
جمبعن	jambangan
كميسكين	kemiskinan
تنتن	tantenya
قيمقين	pimpinan
سمهيهغ	sembahyang
تمثيل	tampil
تمثيلغ	tempeleng

- (f) Apabila mengeja perkataan, huruf dalam kelompok B berubah bentuknya kerana dirangkaikan dengan mana-mana huruf dalam kelompok A yang ada selepasnya, tetapi tidak boleh dirangkaikan dengan mana-mana huruf dalam kelompok A yang ada sebelumnya. Contohnya:



## ABJAD JAWI

Ejaan Jawi	Padanan Rumi
دبر	debar
كاكو	kaku
كوڤس	kupas
ريندغ	rendang
سباتي	sebati
ترتاوا	tertawa
زكاة	zakat

- (g) Huruf *hamzah* (ء) dalam kelompok C yang berada di tengah perkataan ditulis di sebelah atas “rumah” yang disediakan sebagai penyambung antara huruf yang sebelumnya dengan yang selepasnya. Contohnya:

Ejaan Jawi	Padanan Rumi
ديئت	diet
كلاسيئر	glasier
مسئله	masalah
اوريننتاسي	orientasi
تهنيئه	tahniah

- (h) Huruf *hamzah* (ء) ditulis pada kedudukan separas dengan huruf lain sebagai pemisah antara dua bunyi vokal, iaitu [ai], [ao], [au], [ui], [oi], [ué] dan [ue] dalam dua suku kata yang berasingan. Contohnya:

Ejaan Jawi	Padanan Rumi
اءير	air
باءيق	baik
تاءوءيسمي	Taoisme
اءور	aur
باءو	bau
باءوكسيت	bauksit
بوءيه	buih

## PEDOMAN UMUM EJAAN JAWI BAHASA MELAYU DEWAN

<b>Ejaan Jawi</b>	<b>Padanan Rumi</b>
كروءيغ	keruing
كوءيني	kuini
قوءيسي	puisi
الكالويد	alkaloid
استروءيد	asteroid
فيبروءيد	fibroid
كوءير	koir
بغكوءيت	bankuet
دوءيت	duet
اينفلوءينزا	influenza
كونستيتوءن	konstituen
كونسيكوءن	konsekuen
فريكوءنسي	frekuensi

**Catatan:** Huruf *hamzah* (ء) tidak digunakan dalam deretan vokal [ia], [iu], [io], [ua], [ea] dan [oa]. Contohnya:

<b>Ejaan Jawi</b>	<b>Padanan Rumi</b>
بياسا	biasa
كليات	geliat
قريا	peria
سياف	siap
ترياق	teriak
ميلينيوم	milenyum
قريويو	previu
قريميوم	premium
تيوف	tiup
سليوه	seliuh
بيولا	biola

## ABJAD JAWI

<b>Ejaan Jawi</b>	<b>Padanan Rumi</b>
بواه	buah
کتوات	ketuat
توالا	tuala
بیا	bea
کوالا	koala

- (i) Huruf *hamzah* (ء) ditulis tanpa “rumah” pada kedudukan separas dengan huruf lain apabila diapit oleh huruf *alif* (ا) dengan huruf *ya* (ي) bagi diftong [ai] atau huruf *alif* (ا) dengan huruf *wau* (و) bagi diftong [au] di awal kata. Contohnya:

<b>Ejaan Jawi</b>	<b>Padanan Rumi</b>
اءيلرون	aileron
اءيسيغ	aising
اءوديت	audit
اءوتوماتيک	automatik

- (j) Huruf *hamzah* (ء) di tengah atau di akhir kata ditulis seperti kedudukannya dalam bahasa Arab bagi istilah keislaman. Contohnya:

<b>Ejaan Jawi</b>	<b>Padanan Rumi</b>
انبيا	anbia
دار الآخرة	darulakhirat
مؤذن	muazin
مؤمن	Mukmin
مأموم	makmum
قارئة	qariah
قرءان	Quran
وضوء	wuduk
ياجوج وماجوج	Yakjuj wa Makjuj

## PEDOMAN UMUM EJAAN JAWI BAHASA MELAYU DEWAN

**Catatan:** Lazimnya, semua kata dasar serapan Arab yang bermula dengan huruf *alif* (ا) tidak diletakkan huruf *hamzah* (ء) baik di atas mahupun di bawahnya kecuali kata nama khas, iaitu *Islam* (إسلام) dan ungkapan Arab seperti *insya-Allah* (إن شاء الله). Oleh itu, apabila kata dasar tersebut menerima awalan, maka kata tersebut dieja mengikut kaedah ejaan kata Melayu jati. Contohnya, *beriman* (برایمان), *keimanan* (كأيمانن), dan *mengimani* (مغيمانني).

- (k) Huruf *hamzah* (ء) tanpa “rumah” pada kata serapan daripada bahasa Arab hendaklah pada kedudukan separas dengan huruf lain. Contohnya:

Ejaan Jawi	Padanan Rumi
داءيره	daerah
دعاء	doa
فاءيده	faedah
املاء	imlak
مندعاءكن	mendoakan
مغعلماءكن	mengulamakan
سوءال	soal
علماء	ulama
وباء	wabak

- (l) Huruf *hamzah* (ء) yang berada di atas atau di bawah huruf *alif* (ا) digunakan untuk mengeja nama huruf “e”, dan membezakan pasangan homograf, iaitu pasangan kata yang mempunyai ejaan yang sama tetapi mempunyai sebutan dan makna yang berbeza. Contohnya:

- (i) Ejaan bagi nama huruf “e” dan kata nama khas:

Ejaan Jawi	Padanan Rumi
إي	“e” (nama huruf)
إي-ميل	e-mel
إي-داكغ	e-dagang

## ABJAD JAWI

(ii) Ejaan bagi membezakan pasangan homograf:

Ejaan Jawi	Padanan Rumi	Pasangan homograf	Padanan Rumi
إيه	eh	ايه	ayah
إين	inn	اين	ini
أغ	Ang	اغ	Ng
أوغ	Ong	اوغ	Awang

(m) Huruf *hamzah* (ء) digunakan sebagai pengganti huruf *alif* (ا) yang kedua apabila terdapat urutan bunyi yang didahului oleh vokal [a] dan diikuti oleh vokal yang lain di tengah kata. Contohnya:

Ejaan Jawi	Padanan Rumi
ياءيت	iaitu
كاراءوكي	karaoke
ستياءوسها	setiausaha

(n) Huruf *hamzah* (ء) digunakan sebagai pengganti huruf *alif* (ا) awal kata dasar, khususnya kata dasar yang bermula dengan vokal selain [a], apabila menerima imbuhan awalan asing. Contohnya:

Ejaan Jawi	Padanan Rumi
قراءوصول	prausul
سوبئيديتور	subeditor
سوفراءوردينات	superordinat
تريئوكسيد	trioksid
اولتراءوغو	ultraungu

**Catatan:** Huruf *alif* (ا) bagi kata dasar yang bermula dengan vokal [a] apabila menerima awalan yang tersebut dikekalkan, tidak diganti dengan huruf *hamzah* (ء). Contohnya:

PEDOMAN UMUM EJAAN JAWI BAHASA MELAYU DEWAN

Ejaan Jawi	Padanan Rumi
فرااڠكف	praanggap
فرااخير	praakhir
سوباسيد	subasid

- (o) Penggunaan *hamzah* (ء) tunggal di tengah garisan atau pada kedudukan tiga suku daripada ketinggian huruf *alif* (ا) tidak lagi dianggap sebagai bentuk baku, tetapi masih lagi boleh digunakan untuk sementara waktu.

### 1.3 Perlambangan Vokal

- (a) Dalam sistem ejaan Jawi sekarang, terdapat empat huruf vokal dan dua gabungan huruf vokal yang digunakan bagi melambangkan enam fonem vokal atau bunyi vokal baku, iaitu [a], e pepet (e), e taling (é), [i], [o] dan [u]. Huruf tersebut ialah *alif* (ا), *ya* (ي), *ye* (ى) dan *wau* (و) serta gabungan huruf *alif-ya* (اي) dan *alif-wau* (او).

Huruf	Sebutan	Contoh Penggunaan		
		Awal kata	Tengah kata	Akhir kata
ا	(i) [a]	اڤي (api)	ڤادي (padi)	لوسا (lusa)
	(ii) e pepet (e)	امق (emak)	-	-
ي	(i) e taling (é)	-	ريلا (rela)	ساتي (sate)
	(ii) [i]	-	كيرا (kira)	لاڤي (lagi)
ى	e pepet (e)	-	مميتابوليسمكن (memetabolismekan)	ناسيوناليسمى (nasionalisme)

ABJAD JAWI

Huruf	Sebutan	Contoh Penggunaan		
		Awal kata	Tengah kata	Akhir kata
و	(i) [o]	-	کوما (koma)	فیداتو (pidato)
	(ii) [u]	-	بومي (bumi)	باتو (batu)
اي	(i) e taling (é)	ايکور (ekor)	-	-
	(ii) [i]	ايکن (ikan)	-	-
او	(i) [o]	اورغ (orang)	-	-
	(ii)[u]	اولر (ular)	-	-

Penjelasan lanjut diberikan di perenggan (b) hingga (g) yang berikut.

(b) Vokal [a] dilambangkan dengan dua cara yang berikut:

(i) Vokal [a] dilambangkan dengan huruf *alif* (ا) apabila hadir di awal kata atau terletak di suku kata terbuka. Contohnya:

Ejaan Jawi	Padanan Rumi
اڠکوت	angkut
انتارا	antara
ارچا	arca
انق	anak
ساتو	satu
تانق	tanak

PEDOMAN UMUM EJAAN JAWI BAHASA MELAYU DEWAN

- (ii) Vokal [a] tidak dilambangkan dengan huruf *alif* (ا) apabila hadir di suku kata tertutup konsonan-vokal-konsonan (KVK). Contohnya:

Ejaan Jawi	Padanan Rumi
بنته	bantah
لغسير	langsir
كembang	kembang
رمبوتن	rambutan
سكوله	sekolah
سوكن	sukan

- (c) Vokal e pepet (e) dilambangkan dengan tiga cara yang berikut:

- (i) Vokal e pepet (e) dilambangkan dengan huruf *alif* (ا) apabila hadir di awal kata. Contohnya:

Ejaan Jawi	Padanan Rumi
امق	emak
امقيغ	emping
اغكاو	engkau
انته	entah

- (ii) Vokal e pepet (e) tidak dilambangkan dengan apa-apa huruf apabila hadir di suku kata terbuka sebelum akhir atau suku kata tertutup. Contohnya:

Ejaan Jawi	Padanan Rumi
سهله	sebelah
گندغ	gendang
منتری	menteri
دوکومن	dokumen
میتر	meter

- (iii) Vokal e pepet (e) dilambangkan dengan huruf *ye* (ی) apabila hadir di suku kata akhir terbuka. Contohnya:



## ABJAD JAWI

Ejaan Jawi	Padanan Rumi
میتودی	metode
میکانیسی	mekanisme
ناسیونالیسی	nasionalisme
فیریودی	periode

(d) Vokal e taling (é) dilambangkan dengan dua cara yang berikut:

(i) Vokal e taling (é) dilambangkan dengan huruf *alif-ya* (ای) apabila hadir di awal kata. Contohnya:

Ejaan Jawi	Padanan Rumi
ایدر	edar
ایجیق	ejek
ایلوق	elok
ایغسیل	engsel

(ii) Vokal e taling (é) dilambangkan dengan huruf *ya* (ی) apabila hadir di suku kata terbuka atau suku kata tertutup di tengah atau di akhir kata. Contohnya:

Ejaan Jawi	Padanan Rumi
بیچق	becak
لیچیہ	leceh
تاوکی	tauge
تیمفی	tempe
سلیکیہ	selekeh
سیندیغ	sendeng

(e) Vokal [i] dilambangkan dengan dua cara yang berikut:

(i) Vokal [i] dilambangkan dengan huruf *alif-ya* (ای) apabila hadir di awal kata. Contohnya:

PEDOMAN UMUM EJAAN JAWI BAHASA MELAYU DEWAN

**Ejaan Jawi      Padanan Rumi**

ايسي	isi
ايکن	ikan
ايمبس	imbias
ايسيڠري	isteri

- (ii) Vokal [i] dilambangkan dengan huruf *ya* (ي) apabila hadir di suku kata terbuka atau suku kata tertutup di tengah atau di akhir kata. Contohnya:

**Ejaan Jawi      Padanan Rumi**

سيسي	sisi
تيتي	titi
ديڠين	dingin
ميمڤي	mimpi
هيمڤيت	himpit
بليمبيڠ	belimbing

- (f) Vokal [o] dilambangkan dengan dua cara yang berikut:

- (i) Vokal [o] dilambangkan dengan huruf *alif-wau* (او) apabila hadir di awal kata. Contohnya:

**Ejaan Jawi      Padanan Rumi**

اورڠ	orang
اوليه	oleh
اومبق	ombak
اوڠكوس	ongkos

- (ii) Vokal [o] dilambangkan dengan huruf *wau* (و) apabila hadir di suku kata terbuka atau suku kata tertutup di tengah atau di akhir kata. Contohnya:

## ABJAD JAWI

Ejaan Jawi	Padanan Rumi
سوتو	soto
كوتا	kota
جودوه	jodoh
رonda	ronda
كروغكوغ	kerongkong
قيداتو	pidato

(g) Vokal [u] dilambangkan dengan dua cara yang berikut:

- (i) Vokal [u] dilambangkan dengan huruf *alif-wau* (او) apabila hadir di awal kata. Contohnya:

Ejaan Jawi	Padanan Rumi
اوبت	ubat
اومفن	umpan
اونتا	unta
اوغگون	unggun

- (ii) Vokal [u] dilambangkan dengan huruf *wau* (و) apabila hadir di suku kata terbuka atau suku kata tertutup di tengah atau akhir kata. Contohnya:

Ejaan Jawi	Padanan Rumi
سوكو	suku
سولوه	suluh
بونتو	buntu
كونتوم	kuntum
كلمومور	kelemumur
ترومبو	terumbu

**Catatan:** Terdapat sekumpulan perkataan yang mempunyai pasangan homograf. Ejaan ini berpunca daripada satu perkongsian lambang antara dua vokal, iaitu [i] dengan e taling (é), [u] dengan [o], dan e pepet (e) dengan [a]. Contohnya:

## PEDOMAN UMUM EJAAN JAWI BAHASA MELAYU DEWAN

<b>Ejaan Jawi</b>	<b>Padanan Rumi</b>	<b>Ejaan Jawi</b>	<b>Padanan Rumi</b>
بيلا	bila	بيلا	bela
چيري	ciri	چيري	ceri
بيرو	biru	بيرو	biro
بوروغ	burung	بوروغ	borong
انتہ	entah	انتہ	antah
امفغ	empang	امفغ	ampang

### 1.4 Perlambangan Diftong

Dalam sistem ejaan Rumi bahasa Melayu, huruf diftong terbahagi kepada tiga bentuk, iaitu [ai], [au] dan [oi].

(a) Diftong [ai] dilambangkan dengan dua cara yang berikut:

(i) Huruf *alif-hamzah-ya* (اءِ ي) digunakan apabila diftong [ai] berada di awal kata. Contohnya:

<b>Ejaan Jawi</b>	<b>Padanan Rumi</b>
اءِ يکيدو	aikido
اءِ يلرون	aileron
اءِ يسىغ	aising

(ii) Huruf *alif-ya* (اِ ي) digunakan apabila diftong [ai] berada di tengah kata, di akhir kata atau pada kata ekasuku. Contohnya:

<b>Ejaan Jawi</b>	<b>Padanan Rumi</b>
بايدوري	baiduri
کايلن	kailan
تايرو	tairu
متراي	meterai
سراي	serai
تمبيکاي	tembikai
هاي	hai

## ABJAD JAWI

**Catatan:** Penggunaan huruf *alif-ya* (اي) sebagai lambang bagi vokal [ai] di tengah dan di akhir kata bertujuan mengurangkan masalah homograf yang terdapat dalam ejaan Jawi lama. Contohnya, *سري* dalam ejaan Jawi lama mewakili dua perkataan, iaitu *seri* dan *serai*. Dalam ejaan Jawi sekarang, *seri* dieja *سري*, tetapi *serai* dieja *سراي*.

(b) Diftong [au] dilambangkan dengan dua cara yang berikut:

(i) Huruf *alif-hamzah-wau* (ءاو) digunakan apabila diftong [au] berada di awal kata. Contohnya:

Ejaan Jawi	Padanan Rumi
ءوڊيو	audio
ءوڊيت	audit
ءوتركي	autarki
ءوتوماتيک	automatik

(ii) Huruf *alif-wau* (او) digunakan apabila diftong [au] berada di tengah kata, di akhir kata atau pada kata ekasuku. Contohnya:

Ejaan Jawi	Padanan Rumi
باوچر	baucar
ساودارا	saudara
تاوگي	tauge
انڠپاو	angpau
کماراو	kemarau
راياو	rayau
کاو	kau

**Catatan:** Penggunaan huruf *alif-wau* (او) sebagai lambang bagi vokal [au] di tengah dan di akhir kata bertujuan mengurangkan masalah

## PEDOMAN UMUM EJAAN JAWI BAHASA MELAYU DEWAN

homograf yang terdapat dalam ejaan Jawi lama. Contohnya, رايو dalam ejaan Jawi lama mewakili dua perkataan, iaitu *rayu* dan *rayau*. Dalam ejaan Jawi sekarang, *rayu* dieja رايو, tetapi *rayau* dieja راياو.

- (c) Diftong [oi] dilambangkan dengan menggunakan huruf *wau-ya* (وي) apabila berada di tengah kata, di akhir kata atau pada kata ekasuku. Contohnya:

Ejaan Jawi	Padanan Rumi
بويكوت	boikot
دودوي	dodoi
كالوي	kalo i
سكوي	sekoi
تامثوي	tampo i
هوي	hoi

### 1.5 Perlambangan Konsonan

- (a) Dalam sistem ejaan Jawi, ada 35 huruf konsonan termasuklah *wau* (و) dan *ya* (ي) yang juga berfungsi sebagai huruf vokal. Sebahagian daripada huruf ini digunakan untuk mengeja kata Melayu jati dan kata serapan daripada bahasa asing seperti bahasa Arab dan bahasa Inggeris.
- (b) Huruf konsonan yang digunakan untuk mengeja kata Melayu jati ada 20, iaitu:

د	چ	ج	ت	ب
ق	ف	غ	س	ر
ن	م	ل	ک	ک
ث	ي	ء	ه	و

## ABJAD JAWI

Contoh penggunaannya:

Huruf Jawi	Ejaan Jawi	Padanan Rumi
ب	باوڠ	bawang
	سمبوه	sembuh
	ديبب	debab
ت	تله	telah
	ڦنتس	pentas
	بوات	buat
ج	جالا	jala
	باج	baja
چ	چاري	cari
	بونچيت	buncit
د	داتڠ	datang
	ڦادت	padat
ر	ريبوت	ribut
	برت	berat
س	سيبوق	sibuk
	بسر	besar
	لواس	luas
ڠ	ڠاڠا	nganga
	باڠون	bangun
	بواڠ	buang
ڦ	ڦوكول	pukul
	لاڦيس	lapis
	توتوف	tutup
ق	ڦقسا	paksa
	باتوق	batuk

PEDOMAN UMUM EJAAN JAWI BAHASA MELAYU DEWAN

ك	كوروغ	kurung
	بكل	bekal
گ	گاسيغ	gasing
	فكغ	pegang
ل	لاري	lari
	بلغ	belang
	كافل	kapal
م	ماكن	makan
	لمق	lemak
	مالم	malam
ن	ناسي	nasi
	كونيغ	kuning
	توان	tuan
و	وايغ	wayang
	لاون	lawan
ه	هوجوغ	hujung
	تاهون	tahun
	تمبه	tambah
ء	باچاءن	bacaan
	داتوء	Datuk/Dato'
ي	يورن	yuran
	بايغ	bayang
ث	پاموق	nyamuk
	باپق	banyak

**Catatan 1:** Huruf *qaf* (ق) digunakan sebagai lambang bagi semua bunyi hentian glotis [ʔ] di akhir suku kata bahasa Melayu jati, kecuali kata nama khas



## ABJAD JAWI

tertentu seperti gelaran *Datuk/Dato'* (داتوء) dan *Che'/Che* (چيء). Huruf *qaf* (ق), *kaf* (ك), *hamzah* (ء) dan *'ain* (ع) tetap digunakan di akhir suku kata serapan daripada bahasa Arab seperti dalam ejaannya yang asal kecuali ejaan yang dianggap telah mantap seperti *milik* (میلیق) dan *sajak* (ساجق).

**Catatan 2:** Perkataan *beza* (بيذا) menggunakan huruf *zal* (ذ) yang tidak termasuk dalam konsonan Melayu jati kerana ejaannya sudah mantap.

- (c) Semua huruf konsonan digunakan untuk mengeja kata serapan daripada bahasa Arab kecuali huruf *ca* (چ), *nga* (غ), *pa* (ف), *ga* (گ), *nya* (ث) dan *va* (و).

Contoh penggunaannya:

Huruf Jawi	Ejaan Jawi	Padanan Rumi
ث	ثلاث	Selasa
	ميثل	misal
	واريت	waris
ح	حسرت	hasrat
	بحث	bahas
	صبح	Subuh
خ	خميس	Khamis
	اخلاص	ikhlas
	فسخ	fasakh
ذ	ذيكير	zikir
	لذت	lazat
ز	زياره	ziarah
	زمزم	zamzam
	نشوز	nusyuz

PEDOMAN UMUM EJAAN JAWI BAHASA MELAYU DEWAN

Huruf Jawi	Ejaan Jawi	Padanan Rumi
ش	شريكت	syarikat
	مشاركت	masyarakat
ص	صبح	Subuh
	فصيح	fasih
	خاص	khas
ض	ضرب	darab
	حاضر	hadir
ط	طالب	talib
	بطل	batal
	خط	khat
ظ	ظالم	zalim
	ناظر	nazir
	لفظ	lafaz
ع	عالم	alam
	معمور	makmur
	مجموع	majmuk
غ	غائب	ghaib
	مغرب	Maghrib
	بالغ	baligh
ف	فائدة	faedah
	خليفة	khalifah
	خلاف	khilaf
ق	قرآن	Quran
	باقي	baki
	شروق	syuruk
ة	عمرة	umrah
	هداية	hidayat/hidayah

## ABJAD JAWI

Huruf Jawi	Ejaan Jawi	Padanan Rumi
ء	إسلام	Islam
	مؤمن	Mukmin
	عشاء	Isyak

- (d) Semua huruf konsonan Melayu jati digunakan untuk mengeja kata serapan daripada bahasa Inggeris kecuali huruf *qaf* (ق) dan *nya* (ث). Walau bagaimanapun, terdapat empat huruf konsonan tambahan bagi kata serapan daripada bahasa Inggeris, iaitu huruf *zai* (ز), *syin* (ش), *fa* (ف) dan *va* (و). Contohnya:

Ejaan Jawi	Padanan Rumi
زو	zoo [zu]
ڤيزا	piza
زيڤ	zip
شير	syer
ڤيشن	fesyen
سكواش	skuasy
ڤاءيل	fail
سوفا	sofa
ستف	staf
ڤارياسي	variasi
ڤيديو	video
سوبورسيف	subversif

- (e) Huruf *ta marbutah*, iaitu *ṭ* (huruf *ta* bulat) pada asalnya dalam bahasa Arab boleh melambangkan kedua-dua bunyi [h] atau [t]. Walau bagaimanapun, apabila kata-

## PEDOMAN UMUM EJAAN JAWI BAHASA MELAYU DEWAN

kata itu terserap dalam bahasa Melayu, sebahagiannya melambangkan bunyi [h], sebahagian yang lain melambangkan bunyi [t], manakala sebahagian kecil pula masih mengekalkan kedua-duanya seperti dalam huraian yang berikut:

- (i) Ejaan istilah keislaman yang berakhir dengan huruf *ta marbutah* (ة) hendaklah dikekalkan seperti dalam bahasa sumbernya sama ada kata itu disebut dengan bunyi [h] atau [t]. Contohnya:

Ejaan Jawi	Sebutan	Padanan Rumi
فتحة	[fat.hah]	fathah
مدرسة	[mad.ra.sah]	madrasah
سورة	[su.rah]	surah
شبهة	[syub.hah]	syubhah
عمرة	[ʃum.rah]	umrah
اخرة	[a.khi.rat]	akhirat
عورة	[ʃau.rat]/[au.rat]	aurat
بركة	[ber.kat]/[ba.ra.kah]	berkat/barakah
قيامة	[qia.mat]	kiamat
رحمة	[rah.mat]/[raḥ.mat]	rahmat

**Catatan:** Istilah keislaman yang ejaannya berakhir dengan huruf *ta marbutah* (ة) apabila digunakan sebagai kata umum hendaklah dikekalkan ejaannya mengikut bahasa sumber. Contohnya:

Ejaan Jawi	Sebutan	Padanan Rumi
حاضرة	[haḍ.rat]	hadrat
استراحة	[is.ti.ra.hat]	istirahat

## ABJAD JAWI

Ejaan Jawi	Sebutan	Padanan Rumi
كلمة	[ka.li.mah]	kalimah
نية	[niat]	niat
شهادة	[sya.ha.dah]	syahadah/syahadat

- (ii) Kata umum yang berakhir dengan huruf *ta marbutah* (ة) yang menurut kelazimannya disebut dengan bunyi [t] hendaklah dieja dengan menggunakan huruf *ta maftuhah* (ت). Contohnya:

Ejaan Jawi	Sebutan	Padanan Rumi
عاقبت	[ʕa.ki.bat]/[a.ki.bat]	akibat
دهشت	[dah.syat]	dahsyat
مشوارت	[me.syua.rat]	mesyuarat
نعمت	[niʕ.mat]	nikmat
سورت	[su.rat]	surat
طبيعت	[ta.bi.ʕat]	tabiat

- (iii) Kata umum yang berakhir dengan huruf *ta marbutah* (ة) yang menurut kelazimannya disebut dengan bunyi [h] hendaklah dieja dengan menggunakan huruf *ha simpul* (ه). Contohnya:

Ejaan Jawi	Sebutan	Padanan Rumi
دائره	[da.é.rah]	daerah
فائده	[fa.é dah]	faedah
فلسفه	[fal.sa.fah]	falsafah
قيصه	[ki.sah]	kisah
تهنيئه	[tah.ni.ʔah]	tahniah
زياره	[zia.rah]	ziarah